

D.R. 27/92

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Instituit Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) 1975.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1992 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Teks Bahasa Malaysia Akta Instituit Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) 1975, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda—

Pindaan am dalam teks Bahasa Malaysia. Akta 157.

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "PIAWAIAN" dan "Piawaian" dalam tajuk ringkas masing-masingnya dengan perkataan-perkataan "STANDARD" dan "Standard";

RANG UNDANO-UNDANG

- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Piawaian" dalam baris 1 dan "piawaian-piawaian" dalam baris 7 tajuk panjang masing-masingnya dengan perkataan-perkataan "Standard" dan "standard-standard";
- (c) dengan menggantikan perkataan "Piawaian" di mana-mana jua terdapat di dalamnya kecuali dalam seksyen 42 dan 49 dengan perkataan "Standard";
- (d) dengan menggantikan perkataan-perkataan "piawai" di mana-mana jua terdapat di dalamnya kecuali dalam baris 2 dan 4 subseksyen 49(1) dan dalam subseksyen 49(3) dengan perkataan "standard";
- (e) dengan menggantikan perkataan-perkataan "piawaian-piawaian", "pemiawaian" dan "Piawai" di mana-mana jua terdapat di dalamnya dengan perkataan-perkataan "standard-standard", "penstandardan" dan "Standard" masing-masingnya; dan
- (f) dengan menggantikan perkataan "INSTITIUT" dan "Institusi" di mana-mana jua terdapat di dalamnya, kecuali dalam baris 3 tajuk panjang, dalam subseksyen 42(1), dan di mana-mana ia terdapat selepas perkataan "Pengaroh" dalam subseksyen 42(2), masing-masingnya dengan perkataan "INSTITUT" dan "Institut".

Pentafsiran
sebutan-
sebutan
mengenai
teks Bahasa
Malaysia
Akta ibu.

3. Jika, apabila Akta ini mula berkuatkuasa, sesuatu sebutan dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis mengenai teks Bahasa Malaysia Akta ibu, sebutan itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) 1975.

Pertukaran
nama
Institusi
dalam
Bahasa
Malaysia.

4, (1) Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia yang disebut "Institut" dalam Akta ini, yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta ibu, hendaklah, apabila Akta ini mula berkuatkuasa dikenali dalam Bahasa Malaysia sebagai "Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia"; dan semua

INSTITUT PIAWAIAN DAN PENYELIDIKAN
PERINDUSTRIAN MALAYSIA (PERBADANAN) (PINDAAN)

sebutan dalam Bahasa Malaysia dalam mana-mana undang-undang bertulis mengenai Institut hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

(2) Pertukaran nama dalam Bahasa Malaysia yang diperuntukkan oleh subseksyen (1) tidaklah menyentuh apa-apa hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi Institut atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya; dan apa-apa prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadapnya sebelum Akta ini mula berkuatkuasa boleh diteruskan atau dimulakan di bawah nama barunya.

5. Segala tanggungan sedia ada yang ditanggung oleh atau bagi pihak atau bagi maksud Instituti Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia boleh dikuatkuasakan terhadap Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia.

Tanggungan yang boleh dikuatkuasakan terhadap Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia.

6. (1) Segala tanah, harta dan aset yang, sebelum Akta ini mula berkuatkuasa, terletak pada atau dirizabkan bagi Instituti Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya hendaklah, apabila Akta ini mula berkuatkuasa, terletak pada atau dirizabkan bagi Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahmilikan jua pun.

Perletakhakan tanah, harta dan aset Institut.

(2) Segala sebutan mengenai Instituti Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya, yang berhubungan dengan atau menyentuh mana-mana tanah, harta dan aset sedemikian di dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hakmilik, dokumen, bon, perjanjian dan perkiraan perusahaan yang wujud sebelum sahaja Akta ini berkuatkuasa, hendaklah ditafsirkan seolah-olah segala sebutan itu ialah sebutan mengenai Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya.

Pindaan
tajuk
panjang.

7. Tajuk panjang Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan "dan" yang terdapat sebelum perkataan "amalan-amalan" di baris 8; dan
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "amalan-amalan", perkataan-perkataan "dan perkhidmatan-perkhidmatan".

Pindaan
seksyen 2.

8. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan, sebelum sahaja takrif "barangan", takrif baru yang berikut:

"akreditasi" ertinya suatu proses yang membawa kepada pengiktirafan formal kekompetenan melalui penilaian teknikal pakar-pakar berkenaan segala aspek pengendalian berdasarkan kriteria yang telah dipersetujui;';

- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "Malaysia" dalam takrif "Institut", perkataan-perkataan "yang ditubuhkan di bawah seksyen 3";

- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja takrif "Institut", takrif baru yang berikut:

"jawatankuasa" ertinya suatu jawatan-kuasa yang dilantik di bawah seksyen 19F;';

- (d) dengan memasukkan, selepas sahaja takrif "kaedah-kaedah", takrif-takrif baru yang berikut:

"Ketua Pengarah", ertinya Ketua Pengarah Institut yang dilantik di bawah seksyen 16(1) dan termasuklah mana-mana Timbalan Ketua Pengarah yang dilantik di bawah seksyen 16(7) untuk melaksanakan tugas-tugas Ketua Pengarah;

"Lembaga" ertinya Lembaga Institut yang ditubuhkan di bawah seksyen 6;';

INSTITUT PIAWAIAN DAN PENYELIDIKAN
PERINDUSTRIAN MALAYSIA (PERBADANAN) (PINDAAN)

(e) dengan menggantikan takrif "Majlis" dengan takrif baru yang berikut:

' "Majlis" ertinya suatu Majlis yang dilantik di bawah seksyen 19, 19A, 19B, 19c atau 19D;';

(f) dengan memasukkan, selepas sahaja takrif "Majlis", takrif-takrif baru yang berikut:

' "makmal-makmal" termasuklah makmal-makmal pengujian, penentukuran dan pengukuran;

"Menteri" ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi Institut;

"pemerakuan" ertinya suatu tindakan oleh pihak ketiga untuk menunjukkan bahawa terdapat keyakinan yang mencukupi dalam suatu barangan, proses, amalan atau perkhidmatan yang dikenal pasti dan bahawa barangan, proses, amalan atau perkhidmatan itu adalah menepati standard yang ditentukan atau dokumen normatif lain;

"pendaftaran" merujuk kepada suatu acara yang dengannya Institut mengendorskan penetapan kepada ciri-ciri relevan yang berhubungan dengan sesuatu keluaran, proses, amalan atau perkhidmatan, atau butir-butir sesuatu badan atau seseorang;';

(g) dengan memotong perkataan "atau" di baris 2 dalam takrif "penentuan" dan dengan memasukkan, selepas perkataan "amalan" di baris 2, perkataan-perkataan "atau perkhidmatan";

(h) dengan memasukkan, selepas sahaja angka "28" dalam takrif "penentuan standard", perkataan-perkataan "tetapi tidaklah termasuk suatu penentuan standard sementara";

RANG UNDANG-UNDANG

- (i) dengan memotong takrif "Pengaruh";
- (j) dengan memotong takrif "Pengawal";
- (k) dengan menggantikan takrif-takrif "Pengerusi" dan "Timbalan Pengerusi" dengan takrif baru yang berikut:

' "Pengerusi" ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 7(1);'

- (l) dengan memasukkan, selepas sahaja takrif "Pengerusi", takrif-takrif baru yang berikut:

' "Setiausaha" ertinya Setiausaha Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 7(2);

"Sistem Ukuran Kebangsaan" ertinya suatu sistem untuk membolehkan pengesanan ukuran berasaskan standard fizik kebangsaan dan bagi menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pengukuran;

"syarikat" mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada "perbadanan" di bawah seksyen 4(1) Akta Syarikat 1965;'

Akta 125.

- (m) dengan menggantikan noktah di akhir takrif "tanda standard" dengan koma bernoktah; dan
- (n) dengan memasukkan, selepas sahaja takrif "tanda standard", takrif-takrif baru yang berikut:

' "Timbalan Ketua Pengarah" dan "Pengarah" masing-masing ertinya Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah Institut yang dilantik di bawah seksyen 17.'

Pindaan am. 9. Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "MAJLIS" dalam tajuk Bahagian III dan "Majlis" di mana-mana jua terdapat di dalamnya kecuali dalam subseksyen 26(4), 27(2), 42(1), seksyen 43, 44, 45 dan 46 masing-masingnya dengan perkataan-perkataan "LEMBAGA" dan "Lembaga";
- (b) dengan menggantikan perkataan "Pengawal" di mana-mana jua terdapat di dalamnya kecuali

dalam subseksyen 42(2) dengan perkataan-perkataan "Ketua Pengarah"; dan

- (c) dengan menggantikan perkataan "jawatankuasa" dan "jawatankuasa-kecil" di mana-mana jua terdapat di dalamnya masing-masingnya dengan perkataan "Majlis" dan "jawatankuasa".

10, (1) Segala sebutan mengenai Majlis, jawatankuasa dan jawatankuasa-kecilnya masing-masing, dan Pengawal di dalam mana-mana undang-undang bertulis atau di dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hakmilik, dokumen, bon, perjanjian dan perkiraan pengusahaan yang wujud sebelum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa hendaklah, apabila Akta ini mula berkuatkuasa, ditafsirkan seolah-olah segala sebutan itu ialah masing-masingnya sebutan mengenai Lembaga, Majlis dan jawatankuasanya masing-masing dan Ketua Pengarah.

Pertukaran nama Majlis, jawatankuasa dan jawatankuasa-kecil dan pertukaran nama jawatan Pengawal.

(2) Pertukaran nama yang disebut terdahulu tidaklah menyentuh apa-apa hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi Majlis, jawatankuasa dan jawatankuasa-kecilnya masing-masing, dan Pengawal, atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadap mereka; dan apa-apa prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap mereka sebelum Akta ini mula berkuatkuasa boleh diteruskan atau dimulakan di bawah nama baru mereka.

11. Segala tanggungan sedia ada yang ditanggung oleh atau bagi pihak atau bagi maksud-maksud Majlis, jawatankuasa dan jawatankuasa-kecilnya masing-masing, dan Pengawal, boleh dikuatkuasakan masing-masingnya terhadap Lembaga, Majlis dan jawatankuasanya masing-masing, dan Ketua Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Tanggungan yang boleh dikuatkuasakan terhadap Lembaga, Majlis, jawatankuasa dan Ketua Pengarah.

12. Segala tanah, harta dan aset yang sebelum Akta ini mula berkuatkuasa terletak pada atau dirizabkan bagi Lembaga atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya hendaklah, apabila Akta ini mula berkuatkuasa, terletak pada atau dirizabkan bagi

Perletakkan tanah, harta dan aset pada Lembaga.

RANG UNDANG-UNDANG

Lembaga atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahmilikan jua pun.

Pindaan
seksyen 4.

13. Seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "penyelidikan" di perenggan (*d*), perkataan-perkataan "saintifik dan".

Pindaan
seksyen 5.

14. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda—

(*a*) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (*a*), perenggan baru (*aa*), (*ab*), (*ac*), (*ad*) dan (*ae*) yang berikut:

"(*aa*) menjalankan perakuan barangan, proses, amalan dan perkhidmatan dan mengeluarkan lesen-lesen atau perakuan-perakuan mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk membuktikan bahawa barangan, proses, amalan dan perkhidmatan itu menepati apa-apa penentuan atau kehendak yang diluluskan oleh Institut sebagaimana yang dianggapnya sesuai atau perlu;

(*ab*) menjalankan akreditasi makmal-makmal, pertubuhan-pertubuhan atau ejen-ejen pemerakuan dan personel pemerakuannya, agensi-agensi penulisan standard dan apa-apa pertubuhan atau aktiviti lain yang ditentukan oleh Institut;

(*ac*) membuat peruntukan bagi suatu skim jaminan kualiti bagi barangan, proses, amalan dan perkhidmatan;

(*ad*) menjalankan dan memajukan aktiviti-aktiviti yang berhubungan dengan pembangunan dan pemindahan teknologi perindustrian;

(*ae*) menjalankan pendaftaran perunding sistem kualiti;"

INSTITUT PIAWAIAN DAN PENYELIDIKAN
PERINDUSTRIAN MALAYSIA (PERBADANAN) (PINDAAN)

- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "memeriksa" dalam perenggan (b), perkataan ", menilai";
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan "dan amalan-amalan" dalam perenggan (b) dengan perkataan-perkataan "amalan-amalan dan perkhidmatan-perkhidmatan";
- (d) dengan menggantikan perkataan "pemiawaian" dalam perenggan (d) dengan perkataan-perkataan "tugas-tugas, kuasa-kuasa dan aktiviti-aktiviti Institut dan perkara-perkara yang berkaitan";
- (e) dengan menggantikan perkataan "pemiawaian" dalam perenggan (e) dan (f) dengan perkataan-perkataan "aktiviti-aktiviti Institut";
- (f) dengan menggantikan perkataan-perkataan "dan lain-lain badan awam" dalam perenggan (g) dengan perkataan-perkataan "badan-badan atau pihak-pihak berkuasa awam yang lain, sektor-sektor perindustrian, komersil dan perdagangan dan apa-apa pertubuhan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Institut";
- (g) dengan menggantikan perenggan (h) dengan yang berikut:
 - "(h) bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pihakberkuasa tempatan, badan-badan atau pihak-pihak berkuasa awam yang lain, sektor-sektor perindustrian, komersil dan perdagangan dan apa-apa pertubuhan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Institut dengan tujuan supaya standard-standard diterima pakai;"
- (h) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "tugas-tugas" di baris 3 perenggan (i), perkataan-perkataan ", kuasa-kuasa atau aktiviti-aktiviti";

RANG UNDANG-UNDANG

- (i) dengan menggantikan perkataan-perkataan "pelaksanaan yang berkesan akan tugas-tugas" dalam perenggan (i) dengan perkataan-perkataan "prestasi yang berkesan bagi";
- (j) dengan menggantikan perenggan (k) dengan yang berikut:
 - "(k) menjadi ahli atau bergabung dengan mana-mana badan antarabangsa yang mempunyai tugas-tugas atau aktiviti-aktiviti yang serupa dengan tugas-tugas atau aktiviti-aktiviti Institut, dan berhubung dengan mana-mana badan kebangsaan atau antarabangsa yang mempunyai tugas-tugas atau aktiviti-aktiviti serupa yang demikian;"
- (k) dengan menggantikan perkataan-perkataan "penyiasatan dan penyelidikan" dalam perenggan (o) dengan perkataan-perkataan "penyelidikan dan pembangunan, termasuk rekabentuk,";
- (l) dengan memasukkan, sebelum sahaja perkataan "perindustrian" dalam perenggan (s), perkataan-perkataan "saintifik dan";
- (m) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "penyelidikan" dalam perenggan (t), perkataan-perkataan "saintifik dan"; dan
- (n) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (t) dengan koma bernoktah dan dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (t), perenggan baru (u), (v), (w) dan (x) yang berikut:
 - "(u) dengan kelulusan Menteri dan dengan persetujuan Menteri Kewangan, menubuhkan perbadanan bagi menjalankan atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang telah ditentukan, dirancang atau diusahakan oleh Institut;
 - (v) bekerja rapat dengan institusi-institusi pengajian tinggi di dalam bidang-bidang sains perindustrian, teknologi dan pengurusan;

INSTITUT PIAWAIAN DAN PENYELIDIKANI
PERINDUSTRIAN MALAYSIA (PERBADANAN) (PINDAAN)

- (w) menjalankan semua kuasa, menunaikan semua tugas dan melaksanakan semua kewajipan yang, di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, adalah atau mungkin, atau mungkin menjadi, terletak pada Institut atau yang diwakilkan kepada Institut; dan
- (x) melaksanakan apa-apa tugas lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri."

15. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 7 dengan seksyen 7 baru yang berikut: Pindaan seksyen 7.

"Keahlian Lembaga.

7. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) Ketua Pengarah;
- (c) seorang wakil Kementerian yang bertanggungjawab bagi Institut;
- (d) tiga orang wakil lain Kerajaan;
- (e) tidak lebih daripada tujuh orang lain yang, pada pendapat Menteri, mempunyai pengalaman yang luas atau pengetahuan khusus dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan aktiviti-aktiviti Institut.

(2) Lembaga hendaklah melantik seorang Timbalan Ketua' Pengarah atau seorang Pengarah yang dilantik di bawah seksyen 17 sebagai Setiausaha Lembaga.

(3) Lembaga hendaklah menjalankan kuasa-kuasanya, menunaikan tugas-tugasnya dan melaksanakan kewajipan-kewajipannya mengikut Jadual."

RANG UNDANG-UNDANG

Seksyen baru
7A dan 7B.

16. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 7, seksyen baru 7 A dan 7B yang berikut:

"Penjalanan
sementara
tugas-tugas
Pengerusi.

7A. Menteri boleh melantik mana-mana ahli Lembaga yang difikirkannya layak untuk menjalankan tugas-tugas Pengerusi semasa tempoh Pengerusi, kerana apa-apa sebab, tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya atau semasa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi, dan ahli sedemikian hendaklah, sepanjang tempoh dia menjalankan tugas-tugas Pengerusi di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi.

Kuasa-kuasa
Lembaga.

7B. Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang semunasabahnya perlu bagi, atau yang suaimanfaat atau bersampingan dengan, penjalanan kuasa-kuasa dan penunaian tugas-tugas Institut dan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini, dan khususnya tetapi tanpa menyentuh keluasan apa yang disebut di atas, Lembaga hendaklah mempunyai kuasa—

- (a) untuk menentukan dasar-dasar Institut;
- (b) untuk melaksanakan segala aktiviti yang pelaksanaannya didapati diperlukan, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan penunaian tugas-tugas Institut;
- (c) untuk menggalakkan dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti perbadanan, syarikat dan badan-badan atau orang-orang lain dan untuk memberikan bantuan kepada perbadanan, syarikat dan badan-badan atau orang-orang lain itu termasuklah bantuan kewangan, secara pemberian, pinjaman atau selainnya;
- (d) dengan kelulusan Menteri dan dengan persetujuan Menteri Kewangan, untuk

INSTITUT PIAWAIAN DAN PENYELIDIKAN
PERINDUSTRIAN MALAYSIA (PERBADANAN) (PINDAAN)

memasuki sesuatu perkongsian, usahasama, pengusahaan, kerjasama mengikut apa-apa cara, perkiraan bagi perkongsian keuntungan atau selainnya, dengan mana-mana orang, badan, pihak berkuasa awam, perbadanan, syarikat atau badan lain yang menjalankan atau terlibat dalam, atau baru saja hendak menjalankan atau terlibat dalam apa-apa aktiviti yang serupa dengan aktiviti-aktiviti Institut, dan untuk mengambil atau selainnya memperolehi syer dan sekuriti apa-apa enterpris, usaha, orang, badan, pihak berkuasa awam, perbadanan atau syarikat sedemikian, dan untuk menjual, memegang, atau menerbitkan semula dengan atau tanpa gerenti, syer dan sekuriti sedemikian atau selainnya berurusan dengannya;

- (e) untuk mengawas aktiviti-aktiviti semua Majlis dan jawatankuasa;
- (f) untuk menasihati Menteri tentang perkara-perkara mengenai kepentingan Institut; dan
- (g) untuk melakukan apa-apa jua dan untuk membuat apa-apa urusanniaga (sama ada atau tidak melibatkan perbelanjaan, peminjaman mengikut Akta ini, pemberian pinjaman atau pelaburan wang, perolehan, penggunaan dan pelupusan apa-apa harta alih atau harta tak alih) yang pada pendapatnya adalah direncanakan untuk memudahkan pelaksanaan sepatutnya tugas-tugasnya dengan berkesan."

17. Seksyen 8, 9, 10, 11, 12 dan 15 Akta ibu adalah dipotong.

Pemotongan
seksyen 8, 9,
10, 11, 12 dan
15.

RANG UNDANG-UNDANG

Penggantian Bahagian IV. **18.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan Bahagian IV dengan Bahagian IV baru yang berikut:

"BAHAGIAN IV

KETUA PENGARAH, PEGAWAI DAN PEKERJA

Perlantikan dan kewajiban Ketua Pengarah.

16. (1) Maka hendaklah ada seorang Ketua Pengarah yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

(2) Perlantikan Ketua Pengarah hendaklah dengan apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Menteri.

(3) Ketua Pengarah hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif Institut dan hendaklah, tertakluk kepada arahan-arahan dan kawalan Lembaga, bertanggungjawab atas—

- (a) penyediaan program, skim, projek dan aktiviti Institut bagi pertimbangan Lembaga;
- (b) pelaksanaan semua program, skim, projek dan aktiviti Lembaga dan Institut;
- (c) pemberian maklumat yang sepenuhnya kepada Lembaga tentang kemajuan program, skim, projek dan aktiviti Lembaga dan Institut;
- (d) pengeluaran panduan dasar atau penerangan keputusan-keputusan Lembaga kepada pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja Institut;
- (e) pelaksanaan keputusan-keputusan dasar Lembaga;
- (f) pengawasan dan pengawalan ke atas pelaksanaan keputusan-keputusan Lembaga;
- (g) pentadbiran dan pengurusan yang patut bagi Institut mengikut dasar yang ditentukan oleh Lembaga; dan
- (h) pelaksanaan arahan Pengerusi.

INSTITUT PIAWAIAN DAN PENYELIDIKAN
PERINDUSTRIAN MALAYSIA (PERBADANAN) (PINDAAN)

(4) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kawalan ke atas semua pegawai dan pekerja Institut.

(5) Ketua Pengarah hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan yang lain dan selanjutnya dan menjalankan apa-apa kuasa yang boleh diarahkan atau diwakilkan dari semasa ke semasa oleh Lembaga.

(6) Selain daripada kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan yang dinyatakan dalam subseksyen (3), (4) dan (5), Menteri boleh meletakhakkan apa-apa kuasa lain pada Ketua Pengarah dan mengenakan apa-apa kewajipan lain ke atasnya sebagaimana yang perlu bagi menjalankan pentadbiran Institut.

(7) Jika Ketua Pengarah tidak dapat menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan kewajipan-kewajipan jawatannya dalam apa-apa tempoh, oleh sebab dia tidak ada di Malaysia, dia sakit, atau apa-apa sebab lain, atau jika jawatan Ketua Pengarah pada masa itu kosong, maka Menteri hendaklah, atas nasihat Pengerusi, melantik seorang daripada Timbalan Ketua Pengarah untuk bertindak sebagai Ketua Pengarah; dan Timbalan Ketua Pengarah yang dilantik sedemikian hendaklah menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan kewajipan-kewajipan Ketua Pengarah sehingga masa Ketua Pengarah dapat menjalankan semula kuasa-kuasanya dan melaksanakan semula kewajipan-kewajipannya atau sehingga seorang Ketua Pengarah dilantik di bawah subseksyen (1).

Perlantikan
dan
kewajipan
Timbalan
Ketua
Pengarah
dan
Pengarah.

17. Lembaga boleh melantik dari semasa ke semasa Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah-Pengarah daripada kalangan pegawai-pegawai yang dilantik di bawah seksyen 18 yang hendaklah bertanggungjawab

RANG UNDANG-UNDANG

bagi tugas-tugas dan aktiviti-aktiviti Institut yang berhubungan dengan—

- (a) pentadbiran;
- (b) penyelidikan dan pembangunan perindustrian;
- (c) standard-standard;
- (d) pengembangan perindustrian;
- (e) akreditasi; dan
- (f) apa-apa tugas, kewajipan dan aktiviti lain sebagaimana yang ditentukan atau diwakilkan oleh Lembaga.

Perlantikan
pegawai
dan pekerja
Institut.

18. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawah perenggan (k), (ka) dan (kb) seksyen 21(1), Lembaga boleh melantik dari semasa ke semasa, dengan apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Lembaga, sekian bilangan pegawai dan pekerja yang, pada pendapat Lembaga, perlu bagi melaksanakan maksud-maksud Akta ini.

(2) Tiada seorang pun layak diambil bekerja sebagai pegawai atau pekerja Institut jika dia mempunyai, secara langsung atau tak langsung, apa-apa syer atau kepentingan dalam apa-apa kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan Lembaga.

(3) Lembaga tidak boleh menubuhkan atau mengubahsuaikan apa-apa jawatan atau skim perkhidmatan bagi pegawai atau pekerja Institut, termasuk terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan, skim gaji, skim pencen dan apa-apa skim yang berhubungan dengan elaun dan saraan lain, tanpa kelulusan Menteri Kewangan dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tatatertib
pegawai
dan pekerja.

18A. (1) Maka hendaklah ada suatu Majlis Tatatertib Lembaga yang hendaklah terdiri daripada dua orang ahli yang dipilih oleh dan daripada ahli Lembaga, seorang daripada mereka hendaklah dipilih sebagai pengerusi, dan Ketua Pengarah.

(2) Pihak berkuasa tatatertib berkenaan dengan tiap-tiap pegawai dan pekerja Institut selain daripada Ketua Pengarah ialah Majlis Tatatertib Lembaga yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(3) Majlis Tatatertib berkenaan dengan Ketua Pengarah hendaklah terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi Institut sebagai pengerusi dan dua orang ahli yang hendaklah dipilih oleh dan daripada ahli Lembaga.

(4) Ketua Pengarah tidak boleh menjadi ahli Majlis Tatatertib atau Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawah subseksyen (6) dalam apa-apa prosiding di hadapan Majlis atau Jawatankuasa itu jika dia merupakan pengadu; tempatnya hendaklah diambil oleh seorang ahli yang dipilih oleh dan daripada ahli Lembaga.

(5) Dalam menjalankan tugas-tugas dan kuasa-kuasa tatatertibnya, Majlis Tatatertib hendaklah mempunyai kuasa untuk mengenakan apa-apa hukuman tatatertib yang diperuntukkan di bawah apa-apa peraturan yang boleh dibuat di bawah seksyen 18B.

(6) Majlis Tatatertib boleh, tertakluk kepada subseksyen (7), mewakilkan apa-apa tugas, kuasa atau kewajipan tatatertibnya kepada mana-mana jawatankuasa pegawai atau pekerja Institut yang hendaklah dikenali sebagai Jawatankuasa Tatatertib, berkenaan dengan mana-mana pegawai atau pekerja tertentu Institut atau berkenaan dengan apa-apa kelas

RANG UNDANG-UNDANG

atau kategori pegawai atau pekerja Institut, dan Jawatankuasa Tatatertib yang kepadanya diwakilkan tugas, kuasa dan kewajipan sedemikian hendaklah melaksanakan, menjalankan atau menunaikannya di bawah arahan dan kawalan Majlis Tatatertib yang hendaklah mempunyai kuasa untuk mengkaji semula, menghapuskan atau mengubah apa-apa keputusan atau dapatan jawatankuasa itu.

(7) Tiada perwakilan boleh dibuat di bawah subseksyen (6) sehingga membolehkan seorang pegawai atau pekerja Institut menjadi ahli mana-mana Jawatankuasa Tatatertib yang boleh menjalankan apa-apa kuasa tatatertib ke atas seorang pegawai atau pekerja yang berpangkat lebih tinggi daripadanya.

(8) Mana-mana pegawai atau pekerja Institut yang tak berpuas hati dengan keputusan Majlis Tatatertib atau mana-mana Jawatankuasa Tatatertib yang kepadanya diwakilkan tugas, kuasa atau kewajipan di bawah subseksyen (6) boleh, dalam masa empat belas hari, merayu secara bertulis terhadap keputusan itu kepada Lembaga yang dengan itu boleh mengesahkan, mengakaskan atau memberikan apa-apa arahan tentang perkara itu sebagaimana yang difikirkannya patut dan waiar.

(9) Apabila Lembaga menimbangkan apa-apa rayuan di bawah subseksyen (8), tiada ahli Majlis Tatatertib atau Jawatankuasa Tatatertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat, boleh hadir dalam apa-apa prosiding yang berhubungan dengan rayuan itu.

(10) Keputusan Lembaga atas rayuan itu adalah muktamad dan konklusif.

Kuasa untuk
membuat
peraturan-
peraturan
tatatertib

18B. (1) Majlis boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri membuat apa-apa peraturan tatatertib yang difikirkannya perlu dan suaimanfaat bagi mengadakan peruntukan mengenai tatatertib Ketua Pengarah dan pegawai serta pekerja Institut.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh termasuk peruntukan bagi—

- (a) penahanan kerja dengan pengurangan gaji atau saraan lain; atau
- (b) penggantungan kerja tanpa gaji atau saraan lain,

Ketua Pengarah dan pegawai serta pekerja Institut sementara menanti prosiding tatatertib.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh mewujudkan apa-apa kesalahan tatatertib dan mengadakan peruntukan bagi apa-apa hukuman tatatertib yang difikirkan sesuai oleh Lembaga dan hukuman-hukuman yang diperuntukkan itu boleh meliputi pembuangan kerja atau penurunan pangkat.

(4) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah, dalam menetapkan acara bagi prosiding tatatertib, memberikan peluang kepada orang yang terhadapnya prosiding tatatertib itu diambil membuat representasi sebelum suatu keputusan diambil oleh pihak berkuasa tatatertib atas pertuduhan tatatertib yang dibuat terhadap orang itu."

Penggantian
seksyen 19.

19. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 19 dengan seksyen 19 baru yang berikut:

"Majlis
Penyelidi-
kan dan
Pembang-
ngunan

19. (1) Lembaga hendaklah melantik suatu Majlis Penyelidikan dan Pembangunan yang hendaklah terdiri daripada ahli yang berikut:

- (a) dua orang ahli Lembaga, seorang daripada mereka hendaklah menjadi pengerusi Majlis itu; dan
- (b) orang-orang lain, yang tidak melebihi lapan orang, yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Tertakluk kepada arahan dan kawalan am Lembaga, Majlis Penyelidikan dan Pembangunan hendaklah mempunyai tugas-tugas yang berikut:

- (a) membentuk dan mengkaji semula dasar-dasar, program, skim, projek dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan Institut;
- (b) menasihati dan mengemukakan syor-syor bagi pertimbangan dan kelulusan Lembaga berkenaan dengan program, skim, projek dan aktiviti untuk memajukan penyelidikan dan pembangunan saintifik dan perindustrian;
- (c) menasihati Lembaga tentang keutamaan berkenaan dengan program, skim, projek dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan Institut untuk memastikan kualiti dan keberkesanan maksimum;
- (d) menasihati dan memberikan panduan kepada Lembaga mengenai perkembangan kemudahan-kemudahan penyelidikan;
- (e) cuba mendapatkan dan mengekalkan hubungan dengan pertubuhan tempatan dan luar negeri yang kena-mengena dengan penyelidikan dan pembangunan saintifik dan perindustrian dan dalam

perkara-perkara berkaitan yang lain di sektor awam dan swasta, dan mengekalkan hubungan dengan keperluan penyelidikan saintifik dan perindustrian; dan

- (f) apa-apa tugas lain yang ditentukan atau diwakilkan oleh Lembaga.".

20. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 19, seksyen baru 19A, 19B, 19c, 19D, 19E, 19F, 19G dan 19H yang berikut:

Seksyen baru 19A, 19B, 19c, 19D, 19E, 19F, 19G dan 19H.

"Majlis Standard.

19A. (1) Lembaga hendaklah melantik suatu Majlis Standard yang hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

- (a) dua orang ahli Lembaga, seorang daripada mereka hendaklah menjadi Pengerusi Majlis itu; dan
- (b) orang-orang lain, yang tidak melebihi lapan orang, yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Tertakluk kepada arahan dan kawalan am Lembaga, Majlis Standard hendaklah mempunyai tugas-tugas yang berikut:

- (a) membentuk dan mengkaji semula dasar, program, skim, projek, dan aktiviti penstandardan Institut;
- (b) menasihati dan mengemukakan syor-syor untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga berkenaan dengan program, skim, projek dan aktiviti untuk meningkatkan kecekapan dan pembangunan perindustrian, dan bagi perlindungan pengguna melalui aktiviti penstandardan;
- (c) mengemukakan syor-syor untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga berkenaan dengan penentuan-penentuan standard bagi barangan, proses, amalan, dan perkhidmatan;

RANG UNDANG-UNDANG

- (d) menasihati Lembaga tentang keutamaan berkenaan dengan penstandardan untuk memastikan keberkesanan yang maksimum;
- (e) menasihati Lembaga tentang pelaksanaan berkesan penentuan-penentuan standard bagi barangan, proses, amalan dan perkhidmatan;
- (f) cuba mendapatkan dan mengekalkan hubungan dengan pertubuhan tempatan dan luar negeri yang kena-mengena dengan penstandardan dan dalam perkara-perkara berkaitan yang lain di sektor awam dan swasta, dan mengekalkan hubungan dengan keperluan perindustrian dalam penstandardan; dan
- (g) apa-apa tugas lain yang ditentukan atau diwakilkan oleh Lembaga.

Majlis
Pengem-
bangan
Per-
industrian.

19B. (1) Lembaga hendaklah melantik suatu Majlis Pengembangan Perindustrian yang hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

- (a) dua orang ahli Lembaga, seorang daripada mereka hendaklah menjadi Pengerusi Majlis itu;
- (b) orang-orang lain, yang tidak melebihi lapan orang, yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Tertakluk kepada arahan dan kawalan am Lembaga, Majlis Pengembangan Perindustrian hendaklah mempunyai tugas-tugas yang berikut:

- (a) mengadakan bantuan teknik dan perkhidmatan perundingan perindustrian;
- (b) membentuk dan mengkaji semula dasar, program, skim, projek dan aktiviti pemindahan teknologi Institut;

- (c) memberikan bimbingan berkenaan dengan perkiraan-perkiraan pemindahan teknologi;
- (d) menasihati Lembaga tentang keutamaan berkenaan dengan program, skim, projek dan aktiviti dalam pemindahan teknologi;
- (e) menasihati Lembaga tentang peng-komersilan rekacipta, pembaharuan dan teknologi yang dibangunkan oleh Institut;
- (f) menasihati Lembaga tentang pem-bangunan dan penyebaran maklumat perindustrian dan teknologi;
- (g) cuba mendapatkan dan mengekalkan hubungan dengan pertubuhan tempatan dan luar negeri yang kena-mengena dengan bantuan teknik perindustrian dan dalam perkara-perkara berkaitan yang lain di sektor awam dan swasta, dan mengekalkan hubungan dengan keperluan-keperluan pengembangan perindustrian; dan
- (h) apa-apa tugas lain yang ditentukan atau diwakilkan oleh Lembaga.

Majlis
Akreditasi.

19c. (1) Lembaga hendaklah melantik suatu Majlis Akreditasi yang hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

- (a) dua orang ahli Lembaga, seorang daripada mereka hendaklah menjadi Pengerusi Majlis itu; dan
- (b) orang-orang lain, yang tidak melebihi lapan orang, yang difikirkan patut oleh Lembaga.

RANG UNDANG-UNDANG

(2) Tertakluk kepada arahan dan kawalan am Lembaga, Majlis Akreditasi hendaklah mempunyai tugas-tugas yang berikut:

- (a) membentuk dan mengkaji semula dasar, program, skim, projek dan aktiviti bagi akreditasi makmal-makmal pertubuhan-pertubuhan atau ejen-ejen pemerakuan dan personel pemerakuannya atau agensi-agensi penulisan standard;
- (b) menasihati Lembaga tentang penganjuran dan pelaksanaan skim akreditasi;
- (c) menasihati dan mengemukakan syor-syor untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga berkenaan dengan program, skim, projek dan aktiviti bagi Sistem Ukuran Kebangsaan dan menggalakkan pembangunan perkhidmatan-perkhidmatan metrologi dan penentukuran Institut;
- (d) menasihati dan mengemukakan syor-syor untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga berkenaan dengan program, skim, projek dan aktiviti untuk keperluan pengujian perindustrian dan untuk pembangunan perkhidmatan pengujian Institut;
- (e) cuba mendapatkan dan mengekalkan hubungan dengan pertubuhan tempatan dan luar negeri di sektor awam dan swasta bagi membantu pencapaian matlamat akreditasi dan aktiviti-aktiviti berkaitan yang lain; dan
- (f) apa-apa tugas lain yang ditentukan atau diwakilkan oleh Lembaga.

Perlantikan
Majlis-
Majlis
lain.

19D. (1) Lembaga boleh melantik apa-apa Majlis lain yang difikirkannya suaimanfaat untuk menasihati Lembaga tentang apa-apa perkara yang kena-mengena dengan tugas,

kuasa dan kewajipan Institut yang dirujukkan kepada Lembaga atau bagi penjalanan kuasa, penunaian kewajipan dan pelaksanaan tugas Institut dengan sewajarnya atau bagi apa-apa maksud yang berbangkit daripada atau yang berkaitan dengan mana-mana tugas, kuasa atau kewajipannya.

(2) Maka bolehlah dilantik menjadi ahli Majlis sedemikian mana-mana orang lain yang difikirkan sesuai oleh Lembaga dan mana-mana Majlis yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah termasuk sekurang-kurangnya seorang ahli Majlis.

Peruntukan tambahan berkenaan dengan Majlis.

19E. (1) Tertakluk kepada Akta ini dan kaedah-kaedah dan kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Lembaga, Majlis boleh mengawalselia acaranya sendiri.

(2) Majlis hendaklah menepati apa-apa arahan yang dari semasa ke semasa diberikan kepadanya oleh Lembaga dan Lembaga boleh, pada bila-bila masa, menghentikan, atau mengubah keanggotaan, mana-mana Majlis.

(3) Sesuatu Majlis boleh mengundang mana-mana orang yang, pada pendapatnya, memiliki apa-apa pengetahuan khas yang berfaedah kepada Majlis itu untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya dan orang yang diundang sedemikian tidak berhak mengundi pada mana-mana mesyuarat itu.

(4) Majlis hendaklah melaporkan syorsyornya kepada Lembaga.

(5) Majlis hendaklah menyebabkan minit segala mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya dan salinan-salinan minit itu hendaklah dikemukakan dengan serta-merta kepada Lembaga.

RANG UNDANG-UNDANG

Perlantikan
dan acara
jawatan-
kuasa.

19F. (1) Tertakluk kepada apa-apa had, sekatan atau syarat yang ditetapkan oleh Lembaga, Majlis boleh melantik satu atau lebih jawatankuasa bagi membantunya dalam menjalankan kuasanya, menunaikan tugasnya dan melaksanakan kewajipannya.

(2) Maka hendaklah dilantik menjadi ahli jawatankuasa itu mana-mana orang lain yang difikirkan patut oleh Majlis yang melantik jawatankuasa itu.

(3) Tertakluk kepada Akta ini dan kaedah-kaedah, dan kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Lembaga yang melantiknya, sesuatu jawatankuasa boleh mengawalselia acaranya sendiri.

(4) Sesuatu jawatankuasa yang dilantik sedemikian hendaklah menepati apa-apa arahan yang dari semasa ke semasa diberikan kepadanya oleh Lembaga yang melantiknya, dan Lembaga itu boleh, pada bila-bila masa, menghentikan, atau mengubah keanggotaan, jawatankuasa yang dilantik sedemikian.

(5) Sesuatu jawatankuasa boleh, selepas berunding dengan Majlis yang melantiknya, mengundang mana-mana orang yang, pada pendapatnya, memiliki apa-apa pengetahuan khas yang berfaedah kepada jawatankuasa itu untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya dan orang yang diundang sedemikian tidak berhak untuk mengundi pada mana-mana mesyuarat itu.

(6) Jawatankuasa hendaklah melaporkan syor-syornya kepada Majlis yang melantiknya.

(7) Jawatankuasa hendaklah menyebabkan minit-minit semua mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya dan salinan-salinan minit itu hendaklah dikemukakan dengan serta-merta kepada Majlis yang melantiknya.

Saraan atau
elaun
ahli-ahli
Majlis dan
jawatan-
kuasa. 19G. Maka hendaklah dibayar kepada ahli-ahli
Majlis dan jawatankuasa apa-apa saraan atau
elaun yang hendaklah ditentukan oleh Menteri
selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

Kuasa untuk
mengguna-
khidmat. 19H. Lembaga boleh mengguna-khidmat dan
membayar ejen dan penasihat teknik, termasuk
peguambela dan peguamcara, jurubank,
juruukur, penilai dan orang-orang lain, untuk
menjalankan apa-apa urusan atau melakukan
apa-apa perbuatan yang dikehendaki
dijalankan atau dilakukan dalam penjalanan
kuasa, penunaian tugas atau pelaksanaan
kewajipannya, atau bagi melaksanakan
maksud-maksud Akta ini dengan lebih baik."

21. Seksyen 20 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 20.

(a) dengan menggantikan perenggan (a) dan (b)
subseksyen (1) dengan perenggan (a), (b) dan
(c) baru yang berikut:

- "(a) mana-mana Majlis;
- (b) Ketua Pengarah; atau
- (c) mana-mana pegawai Institut.";

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan
subseksyen (2) baru yang berikut:

- "(2) Lembaga tidak boleh mewakili—
 - (a) kuasanya di bawah seksyen
30(8) selain daripada kepada
Majlis Standard; dan
 - (h) kuasanya di bawah seksyen
30A(8) selain daripada kepada
Majlis Akreditasi.";

(c) dengan memotong perkataan-perkataan "yang
dilantik di bawah seksyen 19" dalam
subseksyen (3); dan

(d) dengan memotong perkataan-perkataan "dari
antara ahli-ahlinya sendiri" dalam perenggan
(3)(a);

RANG UNDANG-UNDANG

Pindaan
seksyen 21.

22. Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "lesen-lesen" di mana-mana jua terdapat dalam perenggan (1)(d), perkataan-perkataan "atau perakuan-perakuan";
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (1)(d), perenggan-perenggan baru (da), (db) dan (dc) yang berikut:
 - "(da) menetapkan cara bagaimana perakuan akreditasi boleh diberikan;
 - (db) mengawalselia pengeluaran perakuan akreditasi, menetapkan terma dan syarat yang dengannya atau tertakluk kepadanya perakuan akreditasi itu boleh dikeluarkan, dan mengawalselia pembaharuan, penggantungan atau pembatalan perakuan akreditasi dan acara untuk merayu terhadap penggantungan atau pembatalan itu;
 - (dc) mengawalselia pendaftaran perunding sistem kualiti, menetapkan terma dan syarat yang dengannya atau tertakluk kepadanya pendaftaran itu boleh dibenarkan, dan mengawalselia pembaharuan, penggantungan, atau pembatalan pendaftaran, dan acara untuk merayu terhadap penggantungan atau pembatalan itu;"
- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "lesen" dalam perenggan (1)(e), perkataan-perkataan ", perakuan, perakuan akreditasi atau pendaftaran";
- (d) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Majlis atau sesuatu jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 19" dalam perenggan (1)(j) dengan perkataan-perkataan "Lembaga, Majlis atau jawatankuasa";

(e) dengan menggantikan perenggan (1)(k) dengan perenggan (k) baru yang berikut:

"(k) menetapkan kewajipan, tanggungjawab dan kelakuan pegawai dan pekerja Institut;"

(f) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (1)(k), perenggan (ka), (kb) dan (kc) baru yang berikut:

"(ka) menetapkan saraan, elaun dan terma dan syarat perkhidmatan pegawai dan pekerja Institut;

(kb) menetapkan pembayaran pencen, elaun, atau ganjaran kepada pegawai dan pekerja Institut apabila mereka bersara atau selainnya terhenti memegang jawatan sebagai pegawai dan pekerja Institut;

(kc) menetapkan cara bagaimana, dan terma dan syarat yang dengannya, pinjaman kepada Ketua Pengarah dan pegawai dan pekerja Institut boleh diberikan dan maksud-maksud pinjaman itu;"

(g) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Majlis atau sesuatu jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 19." dalam perenggan (1)(n), perkataan-perkataan "Lembaga, Majlis atau jawatankuasa; dan";

(h) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (1)(n), perenggan baru (o) yang berikut:

"(o) mengadakan peruntukan, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, bagi pengenaan, pengutipan, pengubahan, pengecualian atau pengkenselan, pengembalian sesyen penyelidikan, dan kaedah-kaedah itu boleh menyatakan jenis, amaun, kadar dan cara pengenaan, pengutipan, pengubahan, pengkenselan, pengecualian atau pengembalian sesyen itu."; dan

RANG UNDANG-UNDANG

- (i) dengan menggantikan perkataan-perkataan "dua puluh satu" dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "empat belas".

Bahagian
VA baru.

23. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja Bahagian V, Bahagian VA baru yang berikut:

"BAHAGIAN VA

PERBADANAN

Institut
boleh
menubuhkan
perbadanan.

21A. (1) Institut boleh, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menubuhkan suatu perbadanan dengan apa-apa nama sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu untuk melaksanakan dan untuk menjaga, menialankan dan menguruskan, bagi pihak Institut, apa-apa projek, skim atau enterprais yang telah ditentukan, dirancangkan atau diusahakan oleh Institut pada menjalankan kuasa-kuasanya, menunaikan tugas-tugasnya dan melaksanakan kewajipan-kewajipannya di bawah Akta ini, dan boleh mengikut cara yang sama mengensel, mengubah atau meminda mana-mana perintah sedemikian.

(2) Perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah membuat peruntukan berkenaan dengan yang berikut:

- (a) keanggotaan perbadanan;
- (b) maksud dan tujuan perbadanan itu ditubuhkan;
- (c) hak, kuasa, kewajipan dan tugas perbadanan;
- (d) sistem pengurusan perbadanan;
- (e) kewangan perbadanan;
- (f) pemberian pinjaman oleh, dan pembayaran baliknya kepada, perbadanan;

(g) akaun yang hendaklah disimpan oleh perbadanan dan pengauditan akaun itu; dan

(h) hubungan di antara perbadanan dengan Institut dan hak kawalan Institut ke atas perbadanan.

(3) Tertakluk kepada Akta ini dan kepada apa-apa peruntukan yang dibuat di bawah subseksyen (2), sesuatu perbadanan hendaklah mempunyai kuasa untuk mengawalselia acaranya sendiri.

Had atas kuasa untuk menubuhkan perbadanan.

21B. Tiada apa-apa jua dalam seksyen 21A boleh disifatkan sebagai memberikuasa Institut untuk menubuhkan apa-apa perbadanan bagi apa-apa maksud atau tujuan yang ruang lingkupnya lebih luas daripada maksud atau tujuan yang baginya Institut telah ditubuhkan atau memberi mana-mana perbadanan apa-apa hak, kewajipan, kuasa atau tugas yang tidak di dalam hak, kewajipan, kuasa atau tugas Lembaga dan Institut di bawah Akta ini.

Daftar perbadanan

21c. Lembaga hendaklah menyimpan suatu daftar dalam bentuk yang ditetapkan bagi semua perbadanan yang ditubuhkan oleh Institut di bawah seksyen 21A dan daftar itu hendaklah dibuka untuk pemeriksaan awam di tempat atau tempat-tempat dan pada bila-bila masa yang ditetapkannya.

Penggulungan perbadanan.

21D. (1) Institut boleh, dengan kelulusan Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan.

(2) Apabila mana-mana perbadanan dibubarkan di bawah seksyen ini, aset perbadanan selepas pembayaran segala

RANG UNDANG-UNDANG

tanggung hendaklah dipindahkan kepada dan terletak pada Institut.

(3) Penggulangan sesuatu perbadanan di bawah seksyen ini hendaklah dijalankan mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga.

Pemer-
badanan.

21E. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 21A adalah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan nama yang hendaklah ditentukan oleh Institut dalam perintah yang melaluinya perbadanan itu ditubuhkan dan hendaklah kekal turun-temurun dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama itu dan, bagi maksud melaksanakan projek, skim atau enterprais yang kerananya perbadanan itu telah ditubuhkan, boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini dan dengan tertakluk kepada apa-apa sekatan atau had yang ditetapkan oleh Institut dalam perintah yang melaluinya perbadanan itu telah ditubuhkan.

Meterai
biasa.

21F. (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai biasa yang mengandungi apa-apa tanda yang diluluskan oleh perbadanan itu, dengan kelulusan Lembaga, dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh perbadanan itu dengan kelulusan Lembaga.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh perbadanan itu di bawah seksyen ini, suatu cap yang mengandungi nama perbadanan itu melingkungi huruf "SIRIM" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai biasa perbadanan itu.

(3) Meterai biasa itu hendaklah disimpan dalam jagaan orang yang diberikuasa oleh perbadanan itu dan hendaklah disahkan oleh orang itu; dan semua suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai itu, disahkan sebagaimana yang disebutkan terdahulu, hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau suratcara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan dengan cara yang serupa oleh perbadanan itu; dan mana-mana dokumen atau suratcara itu boleh disempurnakan bagi pihak perbadanan itu oleh mana-mana pegawai atau pekerja perbadanan itu yang diberikuasa secara am atau khas oleh perbadanan itu bagi maksud itu.

(4) Meterai biasa tiap-tiap perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

24. Seksyen 22 Akta ibu adalah di pinda—

Pindaan
seksyen 22,

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "Institut" dalam perenggan (2)(d), perkataan-perkataan "dari dalam atau luar Malaysia";
- (b) dengan memotong perkataan "dan" dalam perenggan (2)(e)
- (c) dengan menggantikan noktah dalam perenggan (2)(f) dengan noktah bertindih dan memasukkan, selepas sahaja perenggan itu, perenggan baru (g), (h), (i), (j), (k) dan (l) yang berikut:
 - "(g) semua wang yang dipinjam oleh Lembaga di bawah seksyen 24;
 - (h) semua wang yang terhasil melalui apa-apa projek, skim atau enterprais yang

RANG UNDANG-UNDANG

dibiayai daripada kumpulan wang, atau yang terhasil daripada pemberian perkhidmatan oleh Institut.

- (i) semua wang yang terhasil atau berbangkit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak pada Institut;
 - (j) apa-apa harta, pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak pada Institut;
 - (k) semua wang yang dibayar kepada atau diterima oleh Institut daripada sesyen penyelidikan yang boleh dikenakan atau dikutip mengikut seksyen 21(1)(o); dan
 - (l) semua wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau menjadi terletak pada, Institut berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan kuasa, tugas dan kewajipannya."; dan
- (d) dengan memotong perkataan "dan" di baris 3 perenggan (3)(a) dan memasukkan, selepas sahaja perenggan itu, perenggan baru (aa) yang berikut:

"(aa) apa-apa perbelanjaan yang dikehendaki bagi menjelaskan apa-apa wang yang dipinjam di bawah seksyen 24; dan".

Penggantian
seksyen 23.

25. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 23 dengan seksyen 23 baru yang berikut:

"Kuasa
untuk
melabur.

23. Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, melaburkan wang yang dipunyai oleh Institut, yang tidak dikehendaki dengan segera untuk menjelaskan tanggungan-

tanggungan Lembaga atau bagi menjalankan tugas atau kewajipan Institut dan yang disediakan bagi pelaburan—

- (a) tertakluk kepada terma apa-apa amanah atau endowmen, dalam pelaburan atau sekuriti mengikut undang-undang yang mengawalselia pelaburan wang amanah; atau
- (b) dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti lain yang difikirkan patut oleh Lembaga:

Dengan syarat bahawa Lembaga tidak boleh melaburkan wangnya dalam apa-apa sekuriti yang diterbitkan di luar Malaysia atau dalam apa-apa harta lain yang terletak di luar Malaysia kecuali dengan kelulusan terdahulu Menteri Kewangan."

26. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 27, seksyen baru 27A yang berikut: Seksyen baru 27A.

"Surcaj. 27A. (1) Jika didapati oleh Lembaga bahawa mana-mana orang yang sedang atau telah bekerja dengan Institut—

- (a) telah gagal memungut apa-apa wang yang terhutang pada Institut yang pemungutannya menjadi tanggungjawabnya;
- (b) adalah atau telah bertanggungjawab atas apa-apa pembayaran wang daripada kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 22 yang tidak sepatutnya dibuat atau atas apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;

- (c) adalah atau telah bertanggungjawab, secara langsung atau tak langsung, atas apa-apa kekurangan pada, atau atas pemusnahan, apa-apa wang, setem, sekuriti, barang-barang simpanan atau harta lain Institut;
- (d) sebagai, atau semasa menjadi, pegawai perakaunan, gagal atau telah gagal menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya;
- (e) telah gagal membuat apa-apa pembayaran, atau adalah atau telah bertanggungjawab atas apa-apa kelewatan dalam pembayaran, wang daripada kumpulan wang kepada mana-mana orang yang kepadanya pembayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat di antara orang itu dengan Institut,

Lembaga hendaklah menyampaikan suatu notis bertulis kepadanya yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak sepatutnya disurcaikan, dan jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diberikan, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penyampaian notis yang disebutkan terdahulu, kepada Lembaga berkenaan dengan kegagalan memungut pembayaran yang tidak sepatutnya dibuat, pembayaran yang tidak diluluskan dengan sewajarnya, kekurangan atau pemusnahan, atau kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya, -atau kegagalan membuat pembayaran, atau kelewatan dalam membuat pembayaran, maka Lembaga boleh mensurcaikan sejumlah wang terhadap orang tersebut yang tidak melebihi amaun apa-apa amaun sedemikian yang tidak dipungut, bayaran, kekurangan, atau kerugian, atau nilai harta yang musnah, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan berkenaan dengan kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang

sepatutnya, atau kegagalan membuat pembayaran, atau kelewatan dalam membuat pembayaran, Lembaga boleh mensurcaikan apa-apa jumlah wang yang difikirkan patut oleh Lembaga itu terhadap orang tersebut.

(2) Pengerusi hendaklah menyebabkan Ketua Pengarah diberitahu tentang apa-apa surcaj yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan Ketua Pengarah hendaklah sesudah itu memberitahu orang yang disurcaikan itu.

(3) Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika ternyata selainnya bahawa tiada surcaj patut dibuat, dan Pengerusi hendaklah dengan segera menyebabkan Ketua Pengarah diberitahu tentang penarikan balik itu.

(4) Amaun apa-apa surcaj yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan tidak ditarik balik di bawah subseksyen (3) hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Institut daripada orang yang terhadapnya surcaj itu dibuat dan boleh didakwa dan didapatkan kembali dalam mana-mana mahkamah atas guaman Lembaga dan boleh juga didapatkan kembali melalui pemetongan—

- (a) gaji orang yang disurcaikan jika Lembaga mengarahkan yang sedemikian; atau
- (b) daripada pencen orang yang disurcaikan jika Lembaga mengarahkan yang sedemikian,

dengan ansuran bulanan yang sama banyak yang tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji atau pencen bulanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu,".

Pindaan
seksyen 28.

27. Seksyen 28 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "penentuan standard" dalam baris 4 subseksyen (1), perkataan-perkataan "atau penentuan standard sementara";
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "penentuan standard" dalam baris 6 subseksyen (1), perkataan-perkataan "atau penentuan standard sementara";
- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (1), subseksyen baru (1A) yang berikut:

"(1A) Jika suatu penentuan telah diisytiharkan menjadi suatu penentuan standard sementara, ungkapan "Sementara" atau "(P)" hendaklah dimasukkan dalam tajuk atau nombor penentuan standard itu.";
- (d) dengan menggantikan perkataan-perkataan "atau amalan" di mana-mana jua terdapat dalam subseksyen (2) perkataan-perkataan "amalan atau perkhidmatan";
- (e) dengan menggantikan noktah dalam subseksyen (3) dengan noktah bertindih dan dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (3), proviso baru yang berikut:

"Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak terpakai bagi penentuan standard sementara.".

Pindaan
seksyen 29.

28. Seksyen 29 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan nombor-nombor "26/50." dalam nota birai dengan perkataan-perkataan "*Akta 175.*";
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "seksyen 75 Ordinan Cap Dagangan, 1950" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "seksyen 56 Akta Cap Dagangan 1976";

- (c) dengan menggantikan perkataan "Ordinan" dalam baris 2 subseksyen (2) perkataan-perkataan "Akta Cap Dagangan 1976";
- (d) dengan mcnggantikan perenggan (a) dan (b) subseksyen (2) dengan perenggan (a) dan (b) baru yang berikut:
 - "(a) sesuatu tanda yang disesuaikan berhubungan dengan apa-apa barangan, proses, amalan atau perkhidmatan untuk membezakan, dalam amalan perdagangan, barangan, proses, amalan atau perkhidmatan yang menepati suatu penentuan standard atau suatu penentuan antarabangsa atau luar negeri atau apa-apa penentuan yang diluluskan oleh Lembaga daripada barangan, proses, amalan atau perkhidmatan yang tidak menepati penentuan standard atau penentuan antarabangsa atau luar negeri itu atau apa-apa penentuan yang diluluskan oleh Lembaga adalah boleh didaftarkan sebagai cap dagangan perakuan di bawah seksyen 56 Akta tersebut berkenaan dengan barangan, proses, amalan atau perkhidmatan yang mula-mula disebut atas nama Lembaga sebagai tuan punya cap dagangan perakuan itu;
 - (b) mana-mana cap dagangan perakuan sedemikian boleh mengandungi atau terdiri daripada perkataan-perkataan "Standard Malaysia" atau kependekan "MS" atau "SIRIM"; dan, dalam hal pemerakuan untuk suatu penentuan antarabangsa atau luar negeri atau apa-apa perakuan yang diluluskan oleh Lembaga, cap dagangan perakuan itu boleh mengandungi perkataan-perkataan atau kependekan-kependekan yang menandakan penentuan antarabangsa

atau luar negeri ini atau penentuan yang diluluskan oleh Lembaga; dan berhubungan dengan permohonan yang dibuat di bawah seksyen ini, perkataan-perkataan dan kependekan-kependekan itu hendaklah disifatkan, bagi maksud-maksud seksyen 56(2) Akta tersebut, sebagai disesuaikan pada asasnya untuk membezakan barangan, proses, amalan dan perkhidmatan itu;"

- (e) dengan menggantikan perkataan-perkataan "75 Ordinan itu" di mana-mana jua terdapat dalam perenggan (2)(c) perkataan-perkataan "56 Akta tersebut"; dan
- (f) dengan menggantikan perkataan "peraturan-peraturan" dalam perenggan (2)(c) dengan perkataan "kaedah-kaedah";
- (g) dengan menggantikan perkataan "Ordinan itu" dalam perenggan (2)(d) dengan perkataan-perkataan "Akta tersebut";
- (h) dengan menggantikan kependekan ' "SIM" ' dalam perenggan (2)(d) dengan kependekan ' "MS" '; dan
- (i) dengan menggantikan perkataan "kependekan" dalam baris 8 perenggan (2)(d) dengan perkataan, "kependekan-kependekan".

Pindaan
seksyen 30.

29. Seksyen 30 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "Lesen" dalam nota birai, perkataan-perkataan "atau perakuan";
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "lesen" di mana-mana jua terdapat di dalamnya, perkataan-perkataan "atau perakuan,";

- (c) dengan memotong perkataan "atau" dalam baris 2 subseksyen (1) dan memasukkan, selepas sahaja perkataan "amalan", dalam baris 3 perkataan-perkataan "atau perkhidmatan";
- (d) dengan memotong perkataan "atau" dalam baris 3 subseksyen (2) dan memasukkan, selepas perkataan "amalan", perkataan-perkataan "atau perkhidmatan";
- (e) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "apa-apa" dalam baris 7 subseksyen (2), perkataan-perkataan "terma dan";
- (f) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (2), subseksyen baru (2A) yang berikut:
 - "(2A) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, menurut budi bicaranya, menambah, mengkensel atau mengubah mana-mana terma dan syarat yang dikenakan dengan sesuatu lesen atau perakuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang diberikan di bawah seksyen ini.";
- (g) dengan memasukkan, sebelum sahaja perkataan "syarat-syarat" dalam subseksyen (3)(a), perkataan-perkataan "terma-terma dan";
- (h) dengan menggantikan perenggan (4)(a) dengan perenggan (a) baru yang berikut:
 - "(a) mengemukakan untuk dinilai, diperiksa atau diuji sampel-sampel barangan, atau dokumen-dokumen tentang proses, amalan atau perkhidmatan, yang berkenaan dengannya lesen atau perakuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dipohon atau telah diberikan;"
- (i) dengan menggantikan perkataan "atau" selepas perkataan "proses" dalam baris 3 perenggan (4)(b) dengan koma dan memasukkan, selepas sahaja perkataan "amalan" dalam baris 4, perkataan-perkataan "atau perkhidmatan";

- (j) dengan menggantikan subseksyen-subseksyen (5) dan (6) dengan yang berikut:

"(5) Apa-apa sampel sesuatu barangan atau dokumen tentang proses, amalan atau perkhidmatan yang dikehendaki di bawah subseksyen (4) supaya dikemukakan untuk penilaian, pemeriksaan atau pengujian boleh dipilih oleh mana-mana orang yang diberikuasa oleh Lembaga dan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga tanpa apa-apa caj dibayar oleh orang yang mengemukakanannya.

(6) Apabila apa-apa sampel sesuatu barangan atau dokumen tentang proses, amalan atau perkhidmatan telah dikemukakan atau dipilih untuk penilaian, pemeriksaan atau pengujian menurut seksyen ini, maka hendaklah kena dibayar kepada Lembaga oleh pemohon, pemegang lesen atau pemegang perakuan yang barangan, proses, amalan atau perkhidmatannya telah dikemukakan atau dipilih sedemikian, kos yang munasabah bagi penilaian, pemeriksaan atau pengujian itu dan apa-apa kos lain yang semunasabahnya dilakukan berhubungan dengan penilaian, pemeriksaan atau pengujian itu."; dan

- (k) dengan menggantikan perkataan-perkataan "yang lesennya" di mana-mana jua terdapat dalam subseksyen (8), dengan perkataan-perkataan "atau perakuan yang lesen atau perakuannya".

Seksyen
baru 30A.

30. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 30, seksyen baru 30A yang berikut:

"Perakuan
akreditasi. 30A. (1) Mana-mana orang yang ingin supaya diakreditasikan sebagai—

- (a) ejen pemerakuan;
(b) ejen akreditasi makmal; atau

(c) ejen penulisan standard,

boleh memohon kepada Lembaga mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah.

(2) Jika Lembaga berpuas hati, atas suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1), bahawa ejen pemerakuan, ejen akreditasi makmal atau ejen penulisan standard patut diakreditasikan, Lembaga boleh memberi pemohon suatu perakuan akreditasi tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat, jika ada, yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(3) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, mengikut budi bicaranya, menambah, mengkensel atau mengubah mana-mana terma dan syarat yang dikenakan dengan perakuan akreditasi yang diberikan di bawah seksyen ini.

(4) Tiada perakuan akreditasi di" bawah seksyen ini boleh diberikan bagi apa-apa tempoh yang melebihi satu tahun tetapi selagi terma-terma dan syarat-syarat perakuan akreditasi itu dipatuhi, perakuan akreditasi itu boleh dari semasa ke semasa diperbaharui oleh Lembaga bagi apa-apa tempoh yang tidak melebihi satu tahun setiap kali sebagaimana yang difikirkannya patut.

(5) Tiap-tiap orang yang memohon supaya perakuan akreditasi diberikan di bawah seksyen ini dan tiap-tiap orang yang kepadanya perakuan akreditasi diberikan sedemikian hendaklah, jika ia pada bila-bila masa dikehendaki supaya berbuat sedemikian oleh Lembaga—

(a) mengemukakan untuk penilaian atau pemeriksaan semua dokumen pengendalian yang berkenaan dengannya perakuan akreditasi itu dipohon atau telah diberikan;

RANG UNDANG-UNDANG

(b) mengemukakan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pengendalian yang berkenaan dengannya perakuan akreditasi itu dipohon atau telah diberikan.

(6) Apabila apa-apa dokumen telah dikemukakan bagi penilaian atau pemeriksaan di bawah seksyen ini, maka hendaklah kena dibayar kepada Lembaga oleh pemohon atau pemegang perakuan akreditasi kos penilaian atau pemeriksaan yang munasabah dan apa-apa kos lain yang mungkin semunasabahnya dilakukan berkaitan dengan penilaian atau pemeriksaan itu.

(7) Lembaga hendaklah menyenggara suatu daftar yang di dalamnya hendaklah direkodkan butir-butir tiap-tiap perakuan akreditasi yang diberikan di bawah seksyen ini dan yang hendaklah, pada bila-bila masa yang munasabah, terbuka untuk pemeriksaan oleh orang ramai di pejabat Lembaga.

(8) Lembaga boleh pada bila-bila masa menggantung atau membatalkan sesuatu perakuan akreditasi yang diberikan di bawah seksyen ini, tetapi—

(a) seseorang pemegang perakuan akreditasi yang perakuan akreditasinya telah digantung atau dibatalkan oleh Majlis Akreditasi pada menjalankan kuasa-kuasa yang diwakilkan kepada Majlis itu oleh Lembaga boleh merayu kepada Lembaga; dan

(b) seseorang pemegang perakuan akreditasi yang perakuan akreditasinya telah digantung atau dibatalkan oleh Lembaga atau yang tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga atas sesuatu rayuan yang dibuat olehnya di bawah perenggan (a) boleh merayu kepada Menteri dan keputusan Menteri adalah muktamad."

31. Seksyen 32 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 32.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Yang di-Pertuan Agong" dalam nota birai dan dalam subseksyen (1) dengan perkataan "Menteri";
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "perbadanan" dalam perenggan (1)(a) perkataan-perkataan "atau syarikat"; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan "barang" dalam perenggan (1)(b) dengan perkataan "barangan".

32. Seksyen 33 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 33.

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "kependekannya" dalam subseksyen (1), perkataan-perkataan "atau apa-apa kependekan yang mengelirukan atau tanda-tanda Lembaga atau apa-apa yang menyerupainya"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "lima ribu ringgit" dalam subseksyen (4) dengan perkataan-perkataan "sepuluh ribu ringgit".

33. Seksyen 34 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 34.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "atau amalan" dalam perenggan (a) dan (b) dengan perkataan-perkataan "amalan atau perkhidmatan";
- (b) dengan memasukkan perkataan-perkataan "atau diperakui" selepas perkataan "dilesen" di mana-mana jua terdapat dalam perenggan (a) dan perkataan-perkataan "atau perakuan" selepas perkataan "lesen" dalam perenggan (c);
- (c) dengan memotong perkataan "atau" di hujung perenggan (a)
- (d) dengan memotong perkataan "atau" di hujung perenggan (b);

RANG UNDANG-UNDANG

- (e) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "dibatalkan" dalam perenggan (c), perkataan-perkataan "atau semasa lesen atau perakuannya digantung";
- (f) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "lesennya" di mana-mana jua terdapat dalam perenggan (c), perkataan-perkataan "atau perakuannya";
- (g) dengan menggantikan koma di hujung perenggan (c) dengan koma bernoktah dan memasukkan, selepas perenggan itu, perenggan baru (d), (e) dan (f) yang berikut:
 - "(d) membuat apa-apa pernyataan atau representasi, sama ada secara bertulis atau selainnya, berkenaan dengan apa-apa barangan, proses, amalan atau perkhidmatan yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan sangkaan bahawa seseorang yang tidak diakreditasikan di bawah Akta ini berkenaan dengan barangan, proses, amalan atau perkhidmatan itu adalah diakreditasikan sedemikian;
 - (e) membuat apa-apa pernyataan atau representasi, sama ada secara bertulis atau selainnya, yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan sangkaan bahawa suatu barangan, proses, amalan atau perkhidmatan mematuhi kehendak-kehendak akreditasi sedangkan ia tidak patuh sedemikian; atau
 - (f) setelah diakreditasikan, menggunakan perakuan akreditasi itu selepas pembatalannya, atau semasa penggantungannya, atau selain daripada mengikut terma-terma dan syarat-syarat perakuan akreditasi itu,"; dan
- (h) dengan menggantikan perkataan-perkataan "sepuluh ribu ringgit" dan "satu ratus ringgit"

masing-masingnya dengan perkataan-perkataan "satu ratus ribu ringgit" dan "satu ribu ringgit".

34. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 34, seksyen baru 34A yang berikut: Seksyen baru 34A.

"Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan. 34A. Jika suatu kesalahan terhadap Akta ini telah dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu, atau yang berupa bertindak atas sifat sedemikian, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika ia membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha wajar untuk mencegah berlakunya kesalahan itu sebagaimana yang sepatutnya telah dijalankan olehnya memandangkan jenis tugasnya dalam jawatan itu dan memandangkan semua hal keadaan.".

35. Seksyen 35 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "atau" dalam baris 4 dan memasukkan, selepas sahaja perkataan "amalan", perkataan-perkataan "atau perkhidmatan". Pindaan seksyen 35.

36. Seksyen 37 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 37.

(a) dengan memotong perkataan "atau" yang terdapat dalam baris 1 perenggan (1)(a) dan memasukkan, selepas sahaja perkataan "amalan", perkataan-perkataan "atau perkhidmatan";

(b) dengan memasukkan, selepas sahaja koma dalam perenggan (1)(b), perkataan-perkataan "proses, amalan atau perkhidmatan,"; dan

RANG UNDANG-UNDANG

(c) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen (2) baru yang berikut:

"(2) Tiada ahli Lembaga, atau mana-mana Majlis atau jawatankuasa yang dilantik di bawah Akta ini, dan tiada pegawai atau pekerja Institut, termasuklah Ketua Pengarah, boleh bertanggung sendiri bagi apa-apa perbuatan yang dilakukan atau keingkaran yang dibuat dengan suci hati oleh Lembaga, Majlis atau jawatankuasa itu atau oleh mana-mana pegawai atau pekerja Institut dalam perjalanan Lembaga, Majlis atau jawatankuasa itu."

Pindaan
seksyen 38.

37. Seksyen 38 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "penyelidikan," perkataan "rekabentuk,".

Penggantian
seksyen 40.

38. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 40 dengan seksyen 40 baru yang berikut:

"Pengkhid-
mat awam.

N.M.B.
Bab 45.

40. Semua ahli Lembaga, Majlis dan jawatankuasa, Ketua Pengarah, dan semua pegawai dan pekerja Institut hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksan."

Seksyen
baru 40A.

39. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 40, seksyen baru 40A yang berikut:

"Akta
Perlin-
dungan
Pihak
Berkuasa
Awam
1948.
Akta 198.

40A. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 adalah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana ahli Lembaga, Majlis atau jawatankuasa, atau terhadap Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai atau pekerja Institut berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaiian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian itu."

40. Seksyen 41 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 41.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "yang dilantik di bawah seksyen 19" di subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "atau suatu jawatankuasa";
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan "seseorang Pengarah," dalam subseksyen (1);
- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "Lembaga," (sepagaimana yang dipinda oleh fasal 9(a)) dalam subseksyen (2) perkataan-perkataan "suatu Majlis, atau suatu jawatankuasa,";
- (d) dengan memotong perkataan-perkataan "seseorang Pengarah," dalam subseksyen (2); dan
- (e) dengan menggantikan perkataan-perkataan "proses, atau amalan" dalam subseksyen (2) perkataan-perkataan "barangan, proses, amalan atau perkhidmatan".

41. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, Jadual baru.
selepas sahaja seksyen 50, Jadual baru yang berikut:

"JADUAL

(Seksyen 7(3))

I. (1) Seseorang ahli Lembaga selain daripada Ketua Pengarah hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatan terlebih dahulu atau perlantikannya dibatalkan terlebih dahulu, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak dilantik semula.

(2) Perlantikan mana-mana ahli Lembaga selain daripada Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Menteri tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.

(3) Seorang ahli Lembaga selain daripada Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutus surat kepada Menteri.

RANG UNDANG-UNDANG

(4) Tiap-tiap ahli Lembaga hendaklah menumpukan masa kepada urusan Lembaga sebanyak yang perlu bagi menunaikan kewajipan-kewajipannya dengan berkesan.

Pengosongan jawatan.

2. (1) Jawatan seseorang ahli Lembaga selain daripada Ketua Pengarah hendaklah menjadi kosong—

- (a) jika dia mati;
- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, sesuatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah atau suatu kesalahan di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama lebih daripada dua tahun;
- (c) jika dia menjadi bankrap atau telah membuat perkiraan dengan pemiutangnya;
- (d) jika dia telah didapati atau diisytiharkan tak sempurna akal atau tak berupaya selainnya untuk melaksanakan tugas-tugas atau menguruskan hal-hwalnya;
- (e) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga Kali berturut-turut tanpa kebenaran bertulis daripada Pengerusi;
- (f) sekiranya perletakan jawatannya diterima oleh Menteri; atau
- (g) jika perlantikannya dibatalkan oleh Menteri.

(2) Jika mana-mana orang terhenti menjadi ahli Lembaga oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, Menteri boleh melantik seorang lain untuk mengisi kekosongan itu selama baki tempoh yang baginya ahli yang mengosongkan jawatan itu telah dilantik.

Saraan atau elaun.

3. Maka hendaklah dibayar kepada ahli-ahli Lembaga atau mana-mana orang lain, yang bukan pegawai atau pekerja Institut, apa-apa saraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

4. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat seberapa kerap dan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi tetapi hendaklah terdapat sekurang-kurangnya dua mesyuarat setahun. Mesyuarat

(2) Mesyuarat Lembaga hendaklah dipanggil oleh Setiausaha yang hendaklah memberikan notis sekurang-kurangnya empat belas hari mengenai mesyuarat dan urusan yang akan dijalankan daiam mesyuarat itu:

Dengan syarat bahawa jika Pengerusi berpendapat bahawa suatu mesyuarat Lembaga adalah perlu atas alasan segera dan desakan urusan yang akan dijalankan, Pengerusi hendaklah meminta Setiausaha memanggil mesyuarat dengan memberikan notis mesyuarat sekurang-kurangnya tiga hari.

(3) Pada mana-mana mesyuarat Lembaga lima ahli yang hadir sendiri hendaklah membentuk kuorum.

(4) Tiap-tiap mesyuarat Lembaga hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi.

(5) Seseorang ahli Lembaga boleh melantik ahli yang lain untuk menjadi proksinya, dan proksi yang dilantik sedemikian boleh, sebagai tambahan kepada undinya sendiri, mengundi bagi pihak ahli yang melantiknya, tetapi tiada proksi boleh mengundi lebih daripada sekali sebagai tambahan kepada undinya sendiri.

(6) Tiap-tiap persoalan di hadapan Lembaga hendaklah diputuskan oleh majoriti biasa ahli-ahli yang mengundi mengenainya.

(7) Jika mengenai apa-apa soalan yang hendak diputuskan oleh Lembaga terdapat suatu pembahagian sama rata undi, Pengerusi atau ahli yang mem-pengerusikan mesyuarat hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai lambahan kepada undi biasanya.

(8) Tertakluk kepada subperenggan (9), suatu persoalan di hadapan Lembaga yang tidak dikehendaki oleh Akta ini atau oleh kaedah-kaedah supaya diputuskan pada sesuatu mesyuarat boleh diundi dan diputuskan melalui kertas undi yang dihantar kepada ahli-ahli.

(9) Pemutusan suatu persoalan di bawah sub-perenggan (8) tidaklah mempunyai kuatkuasa melainkan jika—

- (a) kertas undi telah dihantar kepada tiap-tiap ahli yang berhak mengundi; dan
- (b) kertas itu menyatakan dengan jelas persoalan yang hendak diputuskan itu dan tarikh akhir, yang tidak boleh kurang daripada empat belas hari selepas tarikh penghantaran kertas itu, bagi penerimaan undi oleh Lembaga.

Lembaga
boleh
mengundang
orang lain
menghadiri
mesyuarat.

5. Lembaga boleh meminta mana-mana orang, yang bukan ahli Lembaga, menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan Lembaga bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak mengundi dalam mesyuarat atau perbincangan itu.

Minit.

6. (1) Lembaga hendaklah menyebabkan minit segala mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga, jika ditandatangani dengan sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya dan tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang minit berkenaan dengan prosidingnya telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua ahli dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Meterai
biasa.

7. (1) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meterai biasa yang mengandungi apa-apa tanda yang diluluskan oleh Lembaga dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Meterai biasa itu hendaklah dalam jagaan Pengerusi atau mana-mana ahli lain Lembaga yang diberikuasa oleh Lembaga secara bertulis, dan hendaklah disahkan oleh Pengerusi dan mana-mana ahli lain atau oleh mana-mana pegawai Institut yang diberikuasa oleh salah seorang daripada mereka secara bertulis; dan semua suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai itu, disahkan sebagaimana yang disebutkan terdahulu.

hendaklah disifatkan sebagai telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau suratcara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan oleh Lembaga mengikut cara yang serupa; dan mana-mana dokumen dan suratcara itu boleh disempurnakan bagi pihak Lembaga oleh mana-mana pegawai atau pekerja Lembaga yang diberikuasa secara am atau khas oleh Lembaga bagi maksud itu.

(3) Meterai biasa Lembaga hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Penzahiran
kepentingan

8. Seseorang anggota Lembaga yang, secara langsung atau secara tak langsung, mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana syarikat atau usaha yang dengannya Lembaga bercadang hendak membuat apa-apa kontrak atau yang-ada mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga hendaklah menzahirkan hakikat dan jenis kepentingannya itu kepada Lembaga, dan penzahiran itu hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa perbincangan atau keputusan Lembaga yang berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

Keesahan
perbuatan
yang
dilakukan.

9. Tiada apa-apa perbuatan yang dilakukan di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keahlian, atau apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Lembaga;
- (b) ada pelanggaran peruntukan-peruntukan perenggan 5 oleh mana-mana anggota Lembaga; atau
- (c) ada apa-apa ketinggalan, kecacatan atau ketakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

Acara
Lembaga

10. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, Lembaga hendaklah menentukan acaranya sendiri."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Institiut Piawaian Dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) 1975.

2. *Fasal 2, 3 dan 4* merujuk kepada teks Bahasa Malaysia Akta. Perkataan "Piawaian" digantikan dengan perkataan "Standard" dan perkataan "Institiut" dengan perkataan "Institut". Dengan pindaan ini, Akta ini sekarang akan bernama Akta Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) 1975 dan segala sebutan nama lama dalam mana-mana undang-undang bertulis akan ditafsirkan sebagai sebutan nama baru. Begitu juga, Institut kini akan dikenali sebagai Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia.

3. *Fasal 5* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa segala tanggungan sedia ada yang ditanggung oleh Institiut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia boleh dikuatkuasakan terhadap Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia.

4. Begitu itu juga, *fasal 6* memperuntukkan bahawa segala tanah, harta dan aset yang terletak pada Institiut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia akan, selepas tarikh mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini, terletak pada Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia.

5. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta dengan memasukkan takrif-takrif baru bagi maksud penjelasan dan meminda takrif-takrif yang sedia ada.

6. *Fasal 9* bertujuan untuk membuat pindaan am kepada Akta. Perkataan "Majlis" telah digantikan dengan perkataan "Lembaga", perkataan "Pengawal" dengan "Ketua Pengarah" dan "jawatankuasa" dan "jawatankuasa-kecil" masing-masingnya dengan perkataan-perkataan "Majlis" dan "jawatankuasa". Walau apa pun pindaan-pindaan ini, *fasal 10* jelas memperuntukkan bahawa apa-apa sebutan dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dalam apa-apa suratcara atau dokumen mengenai Majlis, Pengawal, jawatankuasa atau jawatankuasa-kecil akan, selepas tarikh Rang Undang-Undang ini mula berkuatkuasanya, ditafsirkan masing-masingnya sebagai sebutan mengenai Lembaga, Ketua Pengarah, Majlis atau jawatankuasa.

7. *Fasal 11* bertujuan untuk membuat peruntukan supaya semua tanggungan sedia ada yang ditanggung oleh Majlis, jawatankuasa, jawatankuasa-kecil dan Pengawal boleh dikuatkuasakan masing-masingnya terhadap Lembaga, Majlis, jawatankuasa dan Ketua Pengarah.

8. *Fasal 12* membuat peruntukan supaya semua tanah, harta dan aset yang terletak pada Majlis akan terletak pada Lembaga selepas tarikh Rang Undang-Undang ini mula berkuatkuasa.

9. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta mengenai kuasa Institut. Pindaan-pindaan dibuat kepada kuasa-kuasa sedia ada dan kuasa-kuasa baru dan tambahan juga dimasukkan. Kuasa-kuasa baru yang diberikan kepada Institut termasuk pemerakuan barangan, proses, amalan dan perkhidmatan, akreditasi makmai, pertubuhan atau ejen pemerakuan dan agensi penulisan standard, pengadaaan suatu skim jaminan kualiti dan pendaftaran perunding sistem kualiti.

10. *Fasal 15* bertujuan meminda seksyen 7 Akta mengenai keahlian Lembaga.

11. *Fasal 16* bertujuan untuk memasukkan dua peruntukan baru. Seksyen baru 7A bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk melantik mana-mana ahli Lembaga untuk menjalankan fungsi-fungsi Pengerusi dalam mana-mana tempoh ketika Pengerusi tidak dapat menjalankan fungsi-fungsinya. Seksyen baru 7B menyatakan kuasa-kuasa Lembaga.

12. *Fasal 17* bertujuan untuk memotong seksyen 8, 9, 10, 11, 12 dan 15 Akta.

13. *Fasal 18* bertujuan untuk menggantikan Bahagian IV baru berhubungan dengan Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja Institut. Seksyen 16 memberi Menteri kuasa untuk melantik seorang Ketua Pengarah yang hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif Institut dan menyatakan tugas-tugasnya. Seksyen 17 memberi Lembaga kuasa untuk melantik Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah-Pengarah sementara seksyen 18 memberi Lembaga kuasa melantik sekian bilangan pegawai dan pekerja yang disifatkan perlu untuk melaksanakan tujuan Akta ini. Seksyen baru 18A menubuhkan suatu Majlis Tatatertib Lembaga dan menyatakan komposisinya. Seksyen baru 18B memberi Lembaga kuasa untuk membuat peraturan-peraturan tatatertib yang boleh termasuk peruntukan untuk penahanan kerja dan juga pengantungan kerja.

14. *Fasal 19* bertujuan untuk menggantikan seksyen 19 Akta. Seksyen 19 baru bertujuan memberi Lembaga kuasa untuk melantik suatu Majlis Penyelidikan dan Pembangunan dan menetapkan komposisinya dan menyatakan tugas-tugas.

15. *Fasal 20* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 19A, 19B, 19c, 19D, 19E, 19F, 19G dan 19H. Seksyen 19A, 19B dan 19c memberi Lembaga kuasa untuk melantik Majlis-Majlis, iaitu masing-masingnya Majlis Standard, Majlis Pengembangan

Perindustrian dan Majlis Akreditasi. Seksyen-seksyen tersebut juga menetapkan komposisi Majlis-Majlis dan menyatakan tugas-tugas mereka masing-masing. Seksyen 19D memberi Lembaga kuasa untuk melantik apa-apa Majlis lain yang difikirkannya suaimanfaat untuk menasihati Lembaga dalam apa-apa perkara berkenaan dengan fungsi, kuasa dan kewajipan Institut. Seksyen baru 19F membuat peruntukan untuk sesuatu Majlis melantik satu atau lebih jawatankuasa untuk menolongnya dalam menjalankan kuasanya, menunaikan fungsinya dan melaksanakan kewajibannya. Seksyen baru 19G mengadakan peruntukan bagi pembayaran saraan atau elaun kepada ahli-ahli Majlis dan jawatankuasa. Seksyen 19H memberi Lembaga kuasa untuk melantik ejen-ejen dan penasihat-penasihat teknik untuk menjalankan apa-apa urusan atau untuk melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki dilakukan.

16. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 20 Akta mengenai kuasa perwakilan. Kuasa Lembaga di bawah seksyen 30(8) tidak boleh diwakilkan selain daripada kepada Majlis Standard. Kuasanya di bawah seksyen 30A(8) tidak boleh diwakilkan selain daripada kepada Majlis Akreditasi.

17. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta mengenai kuasa untuk membuat kaedah-kaedah. Fasal itu membuat peruntukan bagi maksud-maksud baru yang baginya kaedah-kaedah boleh dibuat oleh Lembaga.

18. *Fasal 23* bertujuan untuk memasukkan Bahagian VA baru yang berhubungan dengan perbadanan yang ditubuhkan oleh Institut. Seksyen 21A baru memberi Institut kuasa, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, untuk menubuhkan perbadanan-perbadanan untuk menjalankan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang ditentukan, dirancang atau diusahakan oleh Institut. Namun demikian, seksyen 21B mengenakan satu had pada kuasa untuk menubuhkan perbadanan sedemikian. Institut tidak boleh menubuhkan apa-apa perbadanan untuk apa-apa maksud atau tujuan yang lebih luas ruang lingkupnya daripada maksud atau tujuan yang baginya Institut ditubuhkan. Seksyen 21c menghendaki Lembaga menyimpan suatu daftar semua perbadanan yang ditubuhkan. Seksyen 21D memperuntukkan bahawa Institut boleh mengarahkan supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan. Apabila digulung sedemikian, semua aset perbadanan, selepas pembayaran tanggungan, hendaklah dipindahmilik kepada Institut. Seksyen 21E dan 21F membuat peruntukan bagi pemerbadanan dan bagi meterai rasmi perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 21A.

19. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda seksyen 22 Akta untuk memperuntukkan kategori tambahan tertentu wang yang patut dibayar ke dalam kumpulan wang serta juga jenis-jenis perbelanjaan yang baginya wang hendaklah dibayar daripada kumpulan wang itu.

20. *Fasal 25* bertujuan untuk menggantikan seksyen 23 Akta. Seksyen 23 baru memberi Lembaga kuasa untuk melaburkan wang dalam pelaburan dan sekuriti, tertakluk kepada terma-terma mana-mana amanah atau endowmen. Namun demikian, tiada pelaburan boleh dibuat dalam mana-mana sekuriti yang diterbitkan luar Malaysia atau dalam mana-mana harta yang terletak di luar Malaysia melainkan dengan kebenaran sebelumnya daripada Menteri Kewangan.

21. *Fasal 26* bertujuan memasukkan seksyen baru 27A untuk membolehkan Lembaga mengenakan suatu surcaj ke atas pekerja-pekerja Institut. Sebelum apa-apa surcaj dikenakan, Lembaga hendaklah menyampaikan suatu notis bertulis kepada pekerja itu supaya menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut disurcajkan. Jika satu penjelasan yang memuaskan tidak diterima dalam masa empat belas hari dari tarikh penyampaian notis, surcaj akan dikenakan.

22. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda seksyen 28 Akta untuk membuat peruntukan bagi suatu pengisytiharan mengenai suatu penentuan standard sementara.

23. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda seksyen 29 Akta berhubung dengan pendaftaran tanda-tanda sebagai cap dagangan perakuan atas nama Lembaga sebagai tuan punya dan penggunaan perkataan-perkataan dan kependekan-kependekan dalam cap dagangan perakuan sedemikian.

24. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda seksyen 30 Akta. *Subfasal (f)* bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa untuk menambah, mengensel atau mengubah apa-apa terma dan syarat yang dikenakan dengan lesen atau perakuan yang dikeluarkan di bawah seksyen 30.

25. *Fasal 30* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 30A untuk membuat peruntukan bagi pemberian perakuan akreditasi kepada ejen-ejen pemerakuan, ejen-ejen akreditasi makmal atau ejen-ejen penulisan standard. Sesuatu perakuan akreditasi hendaklah sah selama tempoh yang tidak melebihi satu tahun tetapi selagi terma-terma dan syarat-syarat perakuan akreditasi dipatuhi, perakuan itu boleh diperbaharui oleh Lembaga bagi apa-apa tempoh yang tidak melebihi satu tahun. Lembaga boleh menggantung atau membatalkan sesuatu perakuan akreditasi yang diberikan, tetapi jika perakuan akreditasi telah digantung atau dibatalkan oleh Lembaga, pemegang perakuan boleh merayu kepada Menteri. Jika perakuan akreditasi telah digantung atau dibatalkan oleh Majlis Akreditasi, rayuan itu dikemukakan kepada Lembaga.

26. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda seksyen 32 Akta untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat kaedah-kaedah. Sebelum pindaan ini, kuasa untuk membuat kaedah terletak pada Yang di-Pertuan Agong.

27. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda seksyen 33 Akta bagi menghadkan penggunaan apa-apa kependekan yang mengelirukan atau tanda-tanda Lembaga. Penalti bagi pelanggaran seksyen 33 juga ditambah daripada denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit kepada denda yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

28. *Fasal 33* bertujuan untuk meminda seksyen 34 Akta bagi memperuntukkan tiga kesalahan pelbagai tambahan. Perenggan baru (*d*) menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang untuk membuat apa-apa kenyataan atau representasi yang memberikan tanggapan bahawa seseorang yang tidak diakreditasikan mengenai sesuatu barangan, proses, amalan atau perkhidmatan adalah sebenarnya diakreditasikan sedemikian. Perenggan baru (*e*) menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang untuk membuat apa-apa kenyataan atau representasi yang memberikan tanggapan bahawa sesuatu barangan, proses, amalan atau perkhidmatan mematuhi kehendak-kehendak akreditasi walaupun sebenarnya ia tidak patuh sedemikian. Perenggan baru (*f*) menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang menggunakan sesuatu perakuan akreditasi selepas itu telah dibatalkan atau digantung. Penalti bagi kesalahan-kesalahan pelbagai ini telah juga ditambah daripada denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit kepada denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit. Dalam hal suatu kesalahan berterusan, penalti telah juga ditambah daripada satu ratus ringgit sehari kepada satu ribu ringgit.

29. *Fasal 34* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 34A untuk membuat peruntukan bagi kesaiahan-kesalahan yang dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan.

30. *Fasal 37* bertujuan untuk meminda seksyen 38 Akta untuk membolehkan Lembaga menetapkan fee-fee yang hendak dikenakan berkenaan dengan rekabentuk.

31. *Fasal 39* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 40A supaya perlindungan yang diberikan oleh Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 diberikan kepada ahli Lembaga, Majlis, jawatankuasa, Ketua Pengarah dan mana-mana pegawai atau pekerja Institut.

32. *Fasal 41* memasukkan suatu Jadual baru untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan Lembaga.

33. Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan kepada Akta yang tidak disebut dengan nyata adalah pindaan-pindaan yang berbangkit atau kecil sahaja.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan, [PN. (U²) 1697.1